



SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 15 TAHUN 2021

**PENGGUNAAN PORTAL PENGURUSAN ASET BAGI
MODUL PENYELENGGARAAN, PEMERIKSAAN,
PELUPUSAN DAN KEHILANGAN ASET**

Pejabat Bendahari
28 September 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (15)

28 September 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 15/2021

PENGGUNAAN PORTAL PENGURUSAN ASET BAGI MODUL PENYELENGGARAAN, PEMERIKSAAN, PELUPUSAN DAN KEHILANGAN ASET

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan modul penyelenggaraan, pemeriksaan, pelupusan dan kehilangan aset dalam Sistem Maklumat Pengurusan Aset (SMPA) secara atas talian.

2. LATARBELAKANG

2.1 Sejak tahun 2001, kaedah bagi pengurusan penyelenggaraan, pemeriksaan, pelupusan dan kehilangan aset adalah secara manual menggunakan borang-borang yang berkaitan dan menghantar kepada Pejabat Bendahari.

2.2 Bagi penambahbaikan kaedah ini, Pejabat Bendahari dan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah membuat pertambahan modul dalam SMPA untuk memudahkan urusan berkaitan penyelenggaraan, pemeriksaan, pelupusan dan kehilangan dibuat atas talian.

3. PELAKSANAAN PENGGUNAAN

3.1 Berikut adalah maklumat bagi setiap modul dalam SMPA:

Modul	Sub-Modul
1) Penyelenggaraan	i) Aduan Kerosakan Aset ii) Daftar Penyelenggaraan Aset iii) Senarai Aset Alih Universiti Yang Memerlukan Penyelenggaraan
2) Pemeriksaan	i) Pelantikan Pemeriksa Aset ii) Laporan Pemeriksaan Aset iii) Sijil Tahunan Pemeriksaan Aset
3) Pelupusan	i) Borang Permohonan Pelupusan Aset ii) Perakuan Pelupusan (PEP/PPS) iii) Pelantikan Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan Aset (JKPP) iv) Laporan Jawatankuasa Pemeriksa Pelupusan Aset v) Sijil Kelulusan Pelupusan Aset vi) Sijil Pelupusan Aset
4) Kehilangan	Laporan Awal Kehilangan Aset

3.2 Setiap sub-modul yang dinyatakan di atas hendaklah dimohon, disokong, dicetak dan dihantar bersama-sama dokumen sokongan kepada Pejabat Bendahari sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan.

3.3 Penghantaran dokumen-dokumen di atas adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

3.4 Dilampirkan manual penggunaan bagi setiap modul untuk rujukan.

4. Tarikh kuatkuasa

4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.

4.2 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2021.

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MHU/sharingfolder/smpa/2021-PenggunaanPortal4Modul-23092021